



SUMBANGAN...Nathan (tengah) menerima replika cek daripada Pengerusi Eksekutif Century Logistic, Phua Sin Mo (dua dari kiri).

Tajaan bowling RM300,000

>>Oleh Nor Faizah Mohamed

faizah@metro.com.my

PEMBANGUNAN pasukan remaja dan perkembangan promosi sukan bowling menjadi agenda utama dalam pengurusan kewangan Persatuan Tempin Bowling Malaysia (MTBC) sejourus menerima suntikan tajaan RM300,000 daripada Century Logistics Holdings Berhad, semalam.

Presiden MTBC, Datuk Dr PS Nathan, berkata tajaan bagi tempoh tiga tahun itu akan digunakan sebaiknya untuk menampung perbelanjaan skuad elit, remaja dan pelapis kebang-

saan, di samping memberi tumpuan kepada aspek komunikasi media.

"Tajaan ini dimasukkan dalam tabung kewangan MTBC bakal digunakan setiap program latihan serta penyertaan kejohanan bagi pemain yang bernaung di bawah MTBC di seluruh Malaysia.

"Dalam masa sama, MTBC juga berusaha memberi tumpuan kepada aspek media dengan sebahagian kecil daripada tajaan itu, menerusi siaran televisyen dan media cetak, untuk memberi pendedahan menyeluruh kepada masyarakat mengenai bowling," katanya.